

# 'Mengapa 2021 boleh, sekarang tidak boleh?'

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memulangkan persoalan mengapa keputusan kerjasama dengan BlackRock ketika pentadbiran terdahulu tidak menjadi isu, namun dijadikan polemik niaga membatalkan penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ketika ini.

Perdana Menteri memberi contoh, keputusan pemilihan BlackRock oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 2021 sebagai salah satu pengurus dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) pelaburan langsung dan pelaburan bersama Ekuiti Persendirian (PE) patuh syariah yang pertama dan terbesar di dunia dengan peruntukan AS\$600 juta (RM2.5 bilion).

Keputusan itu dibuat ketika Tan Sri Muhyiddin Yassin menerajui kerajaan sebagai Perdana Menteri.

"Kita diserang sekarang (dalam isu pelaburan BlackRock), termasuk oleh rakan di sebelah sana (pembangkit)... dia lupa keputusan penting (dibuat ketika jadi kerajaan untuk) beri peranan kepada BlackRock pada 2021.

"Kalau soal BlackRock dibangkit tadi kerana ambiiil GIP, soalnya kenapa tak fikir pada 2021? Itu boleh pula, tetapi sekarang tak boleh.

"Pada 2021, BlackRock (mempunyai) agenda yang sama... ini masalah. Hukum itu berubah mengikut keadaan," katanya menjawab soalan Datuk Mohd Shahrul Abdullah (BN-Paya Be-

sar) pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

KWSP menubuhkan tiga dana SMA bernilai AS\$200 juta setiap satu yang akan dikendalikan tiga Pengurus Dana Ekuiti Persendirian iaitu BlackRock, HarbourVest Partners LLC dan Partners Group AG.

Usaha ini sudah bermula sejak 2018 sebelum dilancarkan KWSP pada 2021.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, jika ditanya secara peribadi beliau akan mempertahankan keputusan membatalkan KWSP pada 2021 itu.

"Kalau tanya saya (mengenai keputusan pada ini) saya pertahankan... kemungkinan KWSP pada itu sudah lapor kepada Pagoh (Muhyiddin selaku Perdana

Menteri ketika itu).

"(Namun) dalam kes MAHB tak pernah ada rundingan secara terus dengan BlackRock, tak seperti 2021 di mana KWSP runding secara terus dengan BlackRock.

"Pada 2023 KWSP dan kha-zanah (selaku pemegang saham MAHB) hanya melakukan rundingan bersama GIP dan ia berbeza dengan naratif di luar.

"Pihak Konsortium juga menjelaskan bahawa BlackRock tidak pernah sama sekali terlibat dalam sebarang transaksi berhubung MAHB.

"Pengurusan sedia ada GIP akan mengekalkan kawalan penuh dan tanggungjawab bagi hala tuju strategik dan operasi GIP serta syarikat di bawah pelaburan mereka, termasuklah

MAHB seandainya transaksi ini dimuktamadkan nanti," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau secara peribadi, termasuk kerajaan berpendirian tidak mahu mengganggu proses sedang berlaku dalam urusan membatalkan GIP dan MAHB kerana ia berbeza sama sekali dengan syarikat yang dimiliki Israel.

"Jangan lupa 21 dan 22 syarikat milik Israel masih beroperasi di Malaysia dan pada 2023 kita batalkan semua kepentingan syarikat Israel.

"Arahan ini diputuskan di peringkat Jemaah Menteri di mana kita tak izinkan mana-mana syarikat Israel untuk beroperasi di Malaysia," katanya.